

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 OKTOBER 2022
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 38

Inflasi September lebih rendah



+ INFLASI pada September diperkuat oleh peningkatan inflasi kumpulan makanan yang menyederhana pada 6.8 peratus berbanding 7.2 peratus bulan sebelumnya. - GAMBAR HIASAN

Inflasi September lebih rendah

Oleh KAMARIAH KHALIDI
ekonomiutusan@mediamula.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia merekodkan kadar inflasi lebih rendah pada 4.5 peratus September lalu berbanding 4.7 peratus bulan sebelumnya.

Kadar inflasi negara bagi tempoh sembilan bulan pertama ialah 3.3 peratus.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, Malaysia mencatatkan kadar inflasi yang lebih rendah berbanding beberapa negara terplibit seperti Zon Euro (10.0 peratus), Amerika Syarikat (8.2 peratus), Filipina (6.9 peratus), Thailand (6.4 peratus), Indonesia (6.0 peratus) dan Republik Korea (5.6 peratus).

"Kenaikan pada September disumbangkan terutamanya oleh peningkatan inflasi kumpulan makanan yang menyederhana kepada 6.8 peratus daripada 7.2 peratus pada Ogos. Kenaikan kumpulan makanan diperkuat oleh komponen makanan di rumah yang meningkat dengan sederhana iaitu 5.7 per-

tus berbanding 6.4 peratus pada Ogos.

"Subkumpulan daging merangkumi ayam, daging lembu, babi, kambing, kerbau dan itik telah mencatatkan peningkatan yang lebih perlahan kepada 6.6 peratus pada September berbanding 9.9 peratus pada Ogos.

"Ini disebabkan terutamanya oleh ayam yang merupakan komponen terbesar dalam subkumpulan ini mewakili 46.1 peratus telah menunjukkan penyederhanaan kenaikan harga yang signifikan iaitu 3.7 peratus berbanding 10.7 peratus pada Ogos," katanya dalam kenyataan.

Mustapa berkata, walaupun kumpulan susu, keju dan telur mencatatkan peningkatan tertinggi sebanyak 8.8 peratus pada September, namun ia masih lebih perlahan berbanding peningkatan 9.4 peratus pada Ogos.

Jelas beliau, telur ayam menyumbang sebanyak 22.8 peratus kepada keseluruhan wajaran subkumpulan susu, keju dan telur yang turut menyederhana kepada 9.0 peratus berbanding 12.6 peratus pada bulan sebelumnya.

Katanya, subkumpulan sayur-sayuran juga telah mula menyederhana pada September dengan catatan 6.3 peratus berbanding 8.9 peratus pada bulan sebelumnya.

"Antara sayur-sayuran yang mencatatkan penurunan harga bulan ke bulan adalah tomato (-9.9 peratus), timun (-7.8 peratus) dan kacang buncis (-4.2 peratus). Selain sayuran, beberapa jenis ikan juga mengalami penurunan harga seperti ikan selayang (-3.4 peratus) dan ikan selar kuning (-1.2 peratus)," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, harga maksimum minyak masak tulen kemasan botol pelbagai saiz telah merekodkan penurunan berkuat kuasa 8 September hingga 7 Oktober lalu dengan kandungan lima kilogram mencatat pengurangan terbesar, iaitu penurunan dari pada RM34.70 kepada RM33.50.

Kata Mustapa, kesan daripada inisiatif ini dapat dilihat dengan jelas melalui kenaikan yang kecil sebanyak 4.8 peratus bagi item minyak sebatian berbanding 6.6 peratus pada Ogos.